

DIALOG BORNEO- KALIMANTAN KE- 12
INSTITUT AMINUDDIN BAKI (IAB) CAWANGAN Sarawak
4 – 6 Jun 2015

DIALOG BORNEO-KALIMANTAN SEBAGAI WAHANA MENGANGKAT
KEARIFAN TEMPATAN PENJANA PERADABAN SERANTAU

Oleh: **Hamzah Hamdani (GAPENA)**

Dalam kesempatan bertemu di acara Dialog Borneo-Kalimantan (DBK) ke-12 ini, yang bertemakan “Kearifan Tempatan Penjana Peradaban Serantau”, kami berhasrat untuk memperkatakan citra sastera Borneo-Kalimantan dalam konteks peranan Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) bersama-sama badan-badan gabungannya di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, serta badan-badan sahabat di Negara Brunei Darussalam dan di lima provinsi Kalimantan, Indonesia (Barat, Selatan, Tengah, Timur dan Utara). Merujuk kepada tema yang mendasari DBK 12 ini, usaha mengangkat kearifan tempatan masyarakat Borneo-Kalimantan untuk citra sastera Nusantara dan antarabangsa haruslah menerapkan pengetahuan geografi, sejarah dan budaya dalam perkembangan persuratan Melayu di Borneo-Kalimantan.

Apabila kita memperkatakan hasil persuratan yang telah dicipta di Sarawak, Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan, Negara Brunei Darussalam dan lima provinsi Kalimantan, Indonesia, kita melihat karya sastera yang melampaui sempadan wilayah dan negara, yang dicipta dalam bahasa Melayu dengan latar belakang geopolitik, budaya dan agama pelbagai etnik. Dalam konteks membina citra sastera Borneo-Kalimantan yang baharu, kita akan menanggapi kemungkinan perkembangan masa depan wilayah ini dalam hubungannya dengan perkembangan persuratan Melayu serantau. Dalam perkembangan kecanggihan teknologi maklumat di zaman global ini, wilayah Borneo-Kalimantan tidak lagi terasing. Ia berkembang pesat seiring dengan perkembangan wilayah-wilayah lain di alam Melayu, malah di dunia antarabangsa. Untuk melakarkan sejarah persuratan Melayu di Borneo-Kalimantan secara menyeluruh, ia suatu tugas yang amat berat. Tidak mudah untuk membicarakan sejarah yang panjang melebihi satu abad berdasarkan bahan dokumentasi yang serba kekurangan dan waktu penelitian yang singkat. Namun demikian, kami akan berusaha memaparkan sejarah persuratan Melayu di Borneo-Kalimantan secara umum, kemudian cuba melihat kemungkinannya pada masa hadapan, iaitu apakah harapan perkembangannya berdasarkan cabaran-

cabaran yang harus dihadapi. Semoga melalui siri pertemuan DBK ini kita semua dapat memikirkan strategi bersama bagi menghadapi cabaran, dan merealisasikan impian yang telah dibina bersama-sama selama suku abad sejak dimulakan Dialig Borneo ke-1 di Miri, Sarawak, pada tahun 1987.

Pulau Borneo- Kalimantan ialah pulau yang ketiga terbesar di dunia setelah Greenland dan New Guine, dengan keluasan 739,295 kilometer persegi. Daripada segi politik, pulau ini diperintah oleh Indonesia, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam. Kalimantan yang dikuasai oleh Indonesia sejak 1945 terbahagi kepada lima provinsi, iaitu Kalimantan Timur dan Kalimantan Utara (211,440 km), Kalimantan Selatan (37,660 km), Kalimantan Barat (146,807 km), dan Kalimantan Tengah (153,800 km). Pada awal tahun 1990, penduduk Kalimantan sekitar 9.6 juta orang. Sabah (73,620 km), Sarawak (124,449 km) dan Wilayah Persekutuan Labuan (91 km) dengan penduduk sekitar 4.0 juta orang menjadi wilayah Malaysia pada tahun 1963. Negara Brunei Darussalam seluas 5,765 kilometer persegi berpenghuni tidak sampai satu juta orang menjadi negara merdeka pada tahun 1984. Daripada segi prasarana perhubungan untuk wilayah Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan, Negara Brunei Darussalam dan Sarawak, telah terbina jalan raya dan perhubungan udara yang baik. Namun untuk wilayah Kalimantan, masih belum lancar prasarana perhubungannya, sama ada melalui jalan darat mahupun jalan udara, kecuali jalan darat di antara Kalimantan Barat dengan Sarawak, dan di antara Sabah dengan Kalimantan Timur melalui jalan laut. Hal ini menghambat kelancaran perhubungan di antara wilayah Borneo dengan wilayah Kalimantan. Semoga rancangan membina jalan darat yang dinamakan *Trans Borneo* akan menjadi kenyataan pada suatu hari kelak, dan di antara penduduk di Borneo-Kalimantan dapat berhubung secara lebih mudah dan akrab.

Pada zaman silam, di Kalimantan pernah berdiri kerajaan-kerajaan besar, seperti di Kalimantan Barat (Sambas, Mampawah dan Pontianak), di Kalimantan Selatan (Banjarmasin), dan di Kalimantan Timur (Kutei Kartanegara). Di Brunei pula, kesultanan Brunei berdiri sejak abad ke-14 sehingga hari ini. Kerajaan-kerajaan Melayu ini menjadi penaung yang melahirkan tradisi persuratan Melayu dalam bentuk hikayat dan kitab keagamaan yang masih kekal digunakan sehingga hari ini. Dari Kalimantan, diwarisi *Salasilah Kutei*, *Hikayat Bandjar*, *Hikayat Upu Daeng Menambun* dan *Syair Pengeran Syarif*. Di Brunei, terhasil *Syair Awang Semaun*, *Dang Pandan Larangan*, *Syair Berzanji*, *Syair Nasihat*, *Syair Citra di Dalam Kubur*, *Syair Rakis*, *Hikayat Awang Si Kanak*, *Hikayat Awang Si Ambok*, *Hikayat Bujang Ismail*, *Hikayat Sultan Muda Raja Sulaiman* dan *Hikayat Awang Kamaruddin*. Di Sarawak, pada tahun 1876, diterbitkan *Hikayat Panglima Nikosa Mendapat Kesusahan Waktu Perang Sampai Mendapat Kemenangan* karya Ahmad Shawal bin Abdul Hamid. Dalam bidang keagamaan, Borneo-Kalimantan mewarisi khazanah kitab fekah berjudul *Sabilal Muhtadin* karya

ulama besar Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari yang lahir di Martapura, Kalimantan Selatan, pada tahun 1707. Kitab ini dihasilkan dalam dua jilid pada tahun 1779-1780, dan dicetak pada tahun 1882. Ia tersebar di seluruh Asia Tenggara.

Abad ke-20 ialah abad penting dalam sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu moden sama ada di Malaysia, Indonesia mahupun Negara Brunei Darussalam. Pada abad inilah hasil kesusasteraan moden yang meminjam genre kesusasteraan Barat mula dicipta oleh para pengarang di alam Melayu. Meskipun pada dekad-dekad awal hasil ciptaan tersebut masih sangat dekat dengan bentuk persuratan Melayu tradisional seperti hikayat, pantun dan syair, namun isi kandungannya menyerlahkan pemikiran semasa atau realiti zaman. Dalam hubungan ini, amat menarik untuk kita membincangkan perkembangan persuratan Melayu di Borneo-Kalimantan pada abad ke-20 kerana ia tidak terpisah daripada perkembangan persuratan Melayu di alam Melayu serantau. Meskipun kedudukan geografi Borneo-Kalimantan ini agak jauh dari pusat perkembangan arus perdana persuratan Melayu di Singapura, Kuala Lumpur mahupun Jakarta, namun hubungan yang wujud di antara golongan cendekiawan di Borneo-Kalimantan dengan golongan cendekiawan di Singapura, Kuala Lumpur dan Jakarta telah memungkinkan wujudnya perkembangan persuratan Melayu moden di Borneo-Kalimantan pada abad ke-20.

Fakta sejarah yang kami ketahui, persuratan Melayu moden di Borneo-Kalimantan bermula pada dekad 1930-an. Muhammad Rakawi Yusuf dari Kuching, Sarawak, yang menganggotai Pertubuhan Persuratan Sahabat Pena Malaya (PASPAM), menjadi tokoh penting dalam sejarah pertumbuhan dan perkembangan persuratan Melayu di Sarawak. Pada tahun 1930, beliau dan beberapa orang sahabatnya telah menerbitkan akhbar *Fajar Sarawak* (Februari hingga Jun 1930), dan kemudian menghasilkan novel *Melati Sarawak* (1932) dan *Hikayat Sarawak* (1932). Melalui akhbar *Fajar Sarawak* telah muncul karya prosa genre cerpen berjudul "Cerita Penawar Kedukaan" karya Jad. Benih-benih awal persuratan Melayu di Borneo-Kalimantan ini ada hubungannya dengan semangat perjuangan membangkitkan kesedaran orang Melayu agar berfikiran terbuka dan bersedia menghadapi cabaran kegigihan bangsa-bangsa lain di Sarawak dalam usaha merebut kekayaan ekonomi.

Di Banjarmasin, Kalimantan Selatan, yang menjadi pusat pemerintahan Belanda untuk seluruh Kalimantan, penulisan novel bermula dengan karya Hassan Basry berjudul *Amanat Ibu* (1935) dan diikuti oleh novel *Suasana Kalimantan* (1941) karya Hadariyah M. Novel-novel tersebut ditafsirkan oleh pemerintah Belanda sebagai menghasut rakyat menentang pemerintah. Akibatnya, pengarang-pengarangnya diburu untuk ditangkap. Hassan Basra dapat melepaskan diri, sementara Hadariyah M. tertangkap dan dipenjarakan

selama empat tahun. Pada dekad ini, akhbar penting di Banjarmasin ialah *Suara Kalimantan* (1930-1945), kemudian akhbar *Borneo Shimbung* (1942-1945). Perkembangan persuratan Melayu moden di Brunei Darussalam dalam genre cerpen bermula pada dekad 1930-an apabila penuntut-penuntut Brunei yang menuntut di Sultan Idris Training College, Tanjung Malim, Perak, kembali ke tanah air. Tokoh-tokohnya ialah H.M. Salleh, Mushba, Tamin Mali, Yura Halim dan Nun Ain Lam. Sumbangan para penyair Brunei menyerlah pada dekad 1950-an apabila para penuntut dari Brunei belajar di Singapura dan menyertai ASAS 50. Sebahagiannya meneruskan pengajian di Kolej Islam Kelang. Antara mereka yang menjadi tokoh penyair Brunei ialah Yahya M.S., Badaruddin H.O., Salmi Mesra, Adi Rumi dan Adi Kelana. Dalam genre novel, karya awal di Brunei ialah *Pengeran Bendahara Menjadi Sultan* atau *Mahkota yang Berdarah* (1951) karya Yura Halim (Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim) dan *Tunangan Pemimpin Bangsa* (1951) karya H.M. Salleh (Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato' Paduka Awang Haji Mohd. Saleh bin Haji Masri).

Daripada pembicaraan di atas, ternyata bahawa dekad 1930-an sebagai permulaan perkembangan tradisi persuratan Melayu moden di Borneo-Kalimantan. Dibandingkan dengan perkembangan di Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan Indonesia, pada dekad-dekad ini jugalah bermulanya persuratan Melayu moden, iaitu sedikit lebih awal pada dekad 1920-an. Meskipun perkembangan di Borneo-Kalimantan agak bersamaan, namun kerancakannya tidak sama. Di Borneo-Kalimantan, teknologi percetakan masih belum berkembang dibandingkan dengan keadaan di Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan Indonesia. Jumlah khalayak pembaca juga kecil kerana orang Melayu adalah kaum minoriti dibandingkan dengan suku kaum bumiputera yang lain. Pada dekad 1960-an, keadaan mulai berubah setelah ditubuhkan Biro Kesusasteraan Borneo (1959) di Kuching dan Kota Kinabalu untuk memajukan perkembangan persuratan pelbagai bahasa di Sarawak dan Sabah. Karya pengarang Brunei juga diterbitkan oleh Biro Kesusasteraan Borneo. Di Brunei pula, pada tahun 1961, ditubuhkan Lembaga Bahasa yang kemudian dinamakan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam. Pada tahun 1962, Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei Darussalam (ASTERAWANI) pula ditubuhkan. Penubuhan agensi kerajaan seperti Biro Kesusasteraan Borneo dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam telah menjadi pemangkin kepada perkembangan persuratan Melayu yang lebih pesat di Borneo. Apabila Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia menubuhkan pejabat cawangannya di Kuching dan Kota Kinabalu pada tahun 1977, perkembangan persuratan Melayu lebih pesat dan bermutu pada tiga dekad kebelakangan ini., Demikian juga di Brunei Darussalam yang mempunyai pengarang yang lebih besar jumlahnya. Majalah sastera berjudul *Bahana* menjadi wadah penting

dalam memperkembangkan karya-karya sastera, tidak hanya untuk penulis Brunei Darussalam, malah terbuka kepada seluruh penulis Nusantara.

Makalah ini tidak bermaksud untuk memperincikan sejarah perkembangan persuratan Melayu Borneo-Kalimantan kerana kami tidak menguasai fakta sejarah sastera yang mendalam untuk seluruh wilayah Borneo-Kalimantan, dan waktu pembicaraannya pula amat terbatas. Kami lebih berminat untuk memperkatakan tentang apakah usaha-usaha yang wajar dilakukan bersama-sama demi memulihara khazanah dan mengembangkan persuratan Melayu di Borneo-Kalimantan. Seandainya perkembangan persuratan Melayu di setiap wilayah di Borneo-Kalimantan ini dapat ditulis sejarahnya yang lengkap, akan lebih mudah untuk menghasilkan kajian dan penulisan sejarah sastera Borneo-Kalimantan yang menyeluruh. Di Brunei Darussalam, penulisan sejarah sasteranya telah dibuat oleh Muhamad Abdul Latif melalui buku *Sejarah Kesusasteraan Melayu Brunei: Suatu Pengenalan*. Mohd. Yusof Hasan telah menghasilkan buku *Novel Negara Brunei Darussalam 1940-1992: Suatu Analisis Kritis Intrinsik-Ekstrinsik*. Kamis Haji Tuah melihat novel-novel hasil peraduan menulis novel dalam buku *Dinamika Persekitaran dan Karya Sastera: Kajian Novel-novel Peraduan DBP Brunei (2002)*. Melalui buku *Kajian Novel Terpilih Brunei Darussalam dari Perspektif Pengkaedahan Melayu (2008)*, Chong Ah Fok meneliti lima buah novel karya penerima S.E.A. Write Award. Buku *Gugahan Minda Kesusasteraan Melayu (2013)* karya Hajah Sariani Haji Ishak mengungkapkan perkembangan sastera mutakhir di Brunei Darussalam. Di Sarawak pula, kami telah menyusun buku antologi esei kritik berjudul *Wajah Sastera Sarawak (1988)* yang menggambarkan perkembangan sastera Melayu di Sarawak pada 1876-1985, dan kami juga menghasilkan buku *Pertumbuhan dan Perkembangan Sastera Melayu di Sarawak (2004)*, yang sedikit banyak menggambarkan pertumbuhan dan perkembangan sastera Melayu sejak 1876 sehingga 2003. Jiso Rutan menghasilkan buku *Karya Penulis Sarawak dalam Esei (1990)*. Hasil daripada seminar tahun 2006, diterbitkan buku *Sejarah & Perkembangan Drama di Sarawak (2008)*. Di Sabah telah dilakukan penelitian sejarah sastera berdasarkan perkembangan genre. Namun sehingga kini, kami masih belum menemuinya sebagai buku di pasaran. Pada 2010, DBP Cawangan Sabah menerbitkan buku (edisi terbatas) *Penulis Sabah dalam Esei Kritikan* yang diselenggarakan oleh Japar Haji Nunbgki dan Noorzanani Haji Kata. Usaha Jasni Matlani melalui tiga buah bukunya yang berjudul *Kumpulan Esei Sastera Sabah dalam Kritikan (2008)*, *Karya Kreatif Penulis Sabah dalam Kritikan (2013)* dan *Perkembangan Puisi Berunsur Islam di Sabah (2015)* dapat menggambarkan perkembangan sastera di Sabah. Sebenarnya telah banyak dilakukan kritikan terhadap karya-karya para penulis di Borneo (Sabah, Brunei Darussalam dan Sarawak) yang dibentangkan dalam kegiatan diskusi karya dan seminar, namun sayangnya tulisan-tulisan

tersebut belum diterbitkan menjadi buku. Diharap pihak DBP Cawangan Sabah dan Cawangan Sarawak serta DBP Brunei Darussalam akan membukukan tulisan-tulisan tersebut. Usaha ini penting untuk merekayasa citra sastera Borneo-Kalimantan.

Bagi menimbulkan kesedaran kepada para penulis tentang kesatuan warisan persuratan Melayu di Borneo-Kalimantan, usaha harus dilakukan untuk menghimpunkan karya-karya penulis dari semua wilayah ke dalam bentuk penerbitan buku berdasarkan genre. Dengan usaha demikian, akan memudahkan khalayak pembaca mengenali para penulis dari semua wilayah di Borneo-Kalimantan. Jadi buku-buku sedemikian harus dilengkapi dengan biodata setiap penulis. Beberapa buah buku telah diterbitkan yang mengandungi karya penulis sesebuah negara atau sesebuah wilayah, umpamanya *Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei* (1984), *Sejambak Bunga Emas: Antologi Penulis Sarawak dan Sabah* (2002). *Pelagus: Antologi Sastera Sarawak* (dua jilid - 2003), *Balikpapan dalam Sastera Indonesia* (2008), *Jembatan: Antologi Puisi dan Cerpen Kalimantan Selatan* (2000), *Kain Tilam: Kumpulan Cerita Pendek Kalimantan Barat* (1998), *Menatap Masa: Antologi Puisi Penyair Balikpapan* (2007) dan *Peluru Cinta Victoria: Antologi Cerpen Labuan* (2011). Usaha-usaha juga telah dilakukan dalam penerbitan karya para penulis dari seluruh Borneo-Kalimantan, antaranya ialah *Nyanyian Pulau-pulau: Antologi Puisi Borneo-Kalimantan* (2004). Penerbitan seperti ini harus diperbanyakkan untuk mewujudkan citra sastera Borneo-Kalimantan yang lebih nyata (*real*).

Sebagai satu usaha menghargai jasa penulis yang telah menyumbangkan karya dalam perkembangan persuratan Melayu di Borneo-Kalimantan, penelitian terhadap tokoh dan hasil karya para penulis wajar dilakukan. Ada beberapa projek yang dapat kita fikirkan untuk direalisasikan. Antaranya ialah kajian tokoh secara menyeluruh daripada segi biografi dan analisis hasil karya mereka yang dimuatkan ke dalam sebuah buku untuk dijadikan rujukan tentang para pengarang di Borneo-Kalimantan. Sekadar contoh umpamanya pengarang dari Brunei Darussalam seperti Yura Halim, Yahya M.S., Badaruddin H.O., Adi Rumi, Shukri Zain, dan Muslim Burmat; dari Sarawak seperti Muhammad Rakawi Yusuf, Muhammad Bujang, Adi Badiozaman Tuah, Jong Chian Lai, Saiee Driss, Zaini Oje dan Jais Sahok; dari Sabah seperti Ismail Abbas (Amil Jaya), Harun Haji Salleh, Shuhaibun Yusuf, Jamdin B., Azmah Nordin, Zaiton Ajamain dan Jasni Matlani; dari Kalimantan seperti Korrie Layun Rampan, Odhy's, Hassan Basry, Hadariyah M., Mawardi Rivai dan H. Munawar Kalahan. Usaha awal di peringkat masing-masing wilayah telah dibuat seperti di Brunei Darussalam (*Biografi Penulis Brunei – 1987*), di Sabah (*Biografi Penulis Sabah – 2004*), dan di Kalimantan Selatan (*Sketsa Sasterawan Kalimantan Selatan - 2001*).

Kesedaran untuk menghimpunkan para penulis/sasterawan, ahli bahasa dan budayawan di Borneo-Kalimantan telah bermula sejak tahun 1987 melalui kegiatan Dialog Borneo I di Miri, Sarawak. Kegiatan ini menjadi sebahagian daripada agenda GAPENA dalam konteks kegiatan persuratan serantau. Apabila Malaysia dan Indonesia bersetuju menyatukan sistem ejaan bagi kedua-dua negara mulai tahun 1972, GAPENA bersama-sama Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan Seminar Kesusasteraan Nusantara di Kuala Lumpur pada tahun 1973 untuk mempertemukan para sasterawan bagi membincangkan hala tuju perkembangan sastera serantau/Nusantara. Hubungan itu diteruskan melalui kegiatan Pertemuan Sasterawan Nusantara I di Singapura pada tahun 1977, yang kemudiannya diadakan sebagai acara dwitahunan di empat negara Nusantara, seperti Jakarta (1979), Kuala Lumpur (1981), Bandar Seri Begawan (1985), Makassar (1986), Kuching (1988), Singapura (1991), Bandar Seri Begawan (1994), Padang, Sumatera Barat (1997), Johor Bahru (1999), Bandar Seri Begawan (2001), Singapura (2003), Surabaya (2004), Alor Setar (2007), Bandar Seri Begawan (2009), Singapura (2011), Pekanbaru, Riau (2013) dan Bandar Seri Begawan (2015).

Oleh kerana Pertemuan Sasterawan Nusantara menghimpunkan para sasterawan yang bersifat kenegaraan, Tan Sri Profesor Ismail Hussein selaku Ketua Satu GAPENA melihat keperluan pertemuan para pengarang di wilayah-wilayah yang lebih kecil. Mulai tahun 1982, diwujudkan acara Dialog Utara di Pulau Pinang untuk menemukan para pengarang dari wilayah utara Semenanjung Malaysia, utara Sumatera, dan selatan Thailand. Kejayaan Dialog Utara disusuli pula acara Dialog Borneo di Miri (1987), Dialog Teluk di W.P. Labuan (1987), Dialog Selatan di Johor Bahru (1992) dan Dialog Pantai di Kota Bharu (1994). Melalui kegiatan dalam siri Dialog ini, hubungan para penulis/sasterawan dalam wilayah yang berhampiran untuk membincangkan permasalahan setempat/lokal lebih akrab menepati sasaran.

Dialog Borneo I (yang kemudian dinamakan Dialog Borneo-Kalimantan dalam acara di Pontianak, Kalimantan Barat, 1995) dianjurkan oleh GAPENA bersama-sama Kerajaan Negeri Sarawak, DBP Cawangan Sarawak dan PUTERA di Miri, Sarawak, pada tahun 1987 sempena sambutan 10 tahun penubuhan DBP Cawangan Sarawak. Tujuan Dialog Borneo diadakan adalah untuk:

1. Mempertemukan sasterawan, penulis, seniman, budayawan dan juga sarjana dari Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan, Brunei Darussalam, dan Kalimantan, Indonesia.
2. Membincangkan dan membicarakan hala tuju perkembangan bahasa, sastera dan budaya di wilayah Borneo-Kalimantan.

3. Menjadi faktor antarabangsa bagi mencetuskan dan merealisasikan agenda pembangunan bahasa, sastera dan budaya di rantau Borneo-Kalimantan.
4. Menjalinkan kerjasama kebahasaan, kesusasteraan dan kebudayaan sermpun di antara tiga negara, iaitu Malaysia, Brunei Darussalam dan Indonesia.

Kegiatan ini telah berjaya diteruskan selama suku abad. Sehingga kini, sebanyak sebelas kegiatan telah diadakan, iaitu di Miri, Sarawak (1987), Kota Kinabalu, Sabah (1989), Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam (1992), Pontianak, Kalimantan Barat (1995), W.P Labuan (1998), Kuching, Sarawak (2000), Banjarmasin, Kalimantan Selatan (2003), Sandakan, Sabah (2005), Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam (2007), Samarinda, Kalimantan Timur (2011), W. P. Labuan (2013) dan Kuching, Sarawak (2015). Tema-tema yang mendasari perbincangan DBK sejak 1987 sehingga 2015 ialah:

1. Ke arah kemajuan dan perkembangan sastera di Borneo.
2. Persefahaman serantau menerusi bahasa, sastera dan budaya.
3. Sumbangan sastera Borneo-Kalimantan terhadap Nusantara.
4. Budaya Melayu Nusantara dalam era globalisasi.
5. Borneo-Kalimantan menjana budaya era baru.
6. Ke arah kelestarian bahasa, sastera dan budaya Borneo-Kalimantan.
7. Rekonstruksi budaya bangsa dan etnik Borneo-Kalimantan dalam batas budaya Melayu untuk menemukan poros jati diri Borneo-Kalimantan memasuki abad pencerahan millennium ketiga.
8. Persuratan serumpun menjana pembinaan bangsa.
9. Kesusasteraan Melayu: antara harapan dan cabaran.
10. Membangun sastera budaya etnisitas serumpun dengan varian-varian kedalaman dan keunikan inovasi yang mencerahkan dunia.
11. Merekayasa citra sastera Borneo.
12. Kearifan Tempatan Penjana Peradaban Serantau

Melalui kegiatan siri DBK ini, dibincangkan persoalan-persoalan bahasa, sastera dan budaya, dan perkembangan semasa di setiap wilayah. Dalam pertemuan di Wilayah Persekutuan Labuan (1998), diputuskan bahawa DBP Cawangan Sarawak sebagai urus setia yang berperanan sebagai penyelaras kegiatan Dialog Borneo-Kalimantan. Kemudian, dalam Dialog Borneo-Kalimantan di Kuching, Sarawak (2000), DBP Cawangan Sarawak dipilih sebagai urus setia untuk Mesyuarat Kerjasama Kebahasaan dan Persuratan (MEKKAP) bagi wilayah Borneo-Kalimantan. Penubuhan MEKKAP, yang dianggotai oleh wakil-wakil dari

Sarawak, Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan, Brunei Darussalam dan empat provinsi Kalimantan, adalah usaha untuk menyelaraskan kegiatan kebahasaan dan persuratan di Borneo-Kalimantan. Pada jangka panjang, MEKKAP harus berfungsi secara lebih berkesan dengan dana peruntukan yang besar agar kerja-kerja penyelidikan dan kegiatan bahasa dan sastera dapat dilaksanakan secara berterusan dan sistematik di semua wilayah Borneo-Kalimantan. Namun kini pihak DBP tidak lagi meneruskan kegiatan MEKKAP setelah Dato' Haji A. Aziz Deraman bersara daripada jawatan Ketua Pengarah DBP pada tahun 2004.

Dalam kesempatan pertemuan DBK ke-12 ini, kami mencadangkan agar dalam resolusi dijadikan satu agenda tentang usul kepada DBP Malaysia untuk menghidupkan kembali MEKKAP sebagai wahana yang menjalinkan kerjasama serantau wilayah Borneo-Kalimantan. Kewujudan MEKKAP dengan dana yang tetap akan membantu penyelenggaraan kegiatan DBK yang akan datang. Dalam konteks ini juga, GAPENA dan badan-badan gabungannya di Sabah (BAHASA), di Sarawak (PUTERA dan PEKASA) dan Wilayah Persekutuan Labuan (PERWILA) harus memberikan perhatian kepada kegiatan sampingan DBK, maksudnya bukan hanya pertemuan dwitahunan sahaja. Dalam resolusi-resolusi yang telah dicapai pada pertemuan-pertemuan yang lalu, banyak kegiatan yang harus dilaksanakan. Umpamanya seperti mengadakan bengkel penulisan pelbagai genre dan pementasan teater di pelbagai tempat di Borneo-Kalimantan, menerbitkan buletin, majalah, jurnal dan buku untuk menampung karya para penulis Borneo-Kalimantan, mengadakan Anugerah Sastera Borneo-Kalimantan berdasarkan pencapaian menyeluruh seseorang tokoh sasterawan, mengumpulkan bahan dokumentasi khazanah bahasa, persuratan dan budaya Borneo-Kalimantan, menerbitkan antologi sastera Borneo-Kalimantan yang mengandungi puisi, cerpen, drama pentas, fragmen novel dan esei kritik, mengadakan laman web sastera Melayu Borneo-Kalimantan, menerbitkan kertas kerja DBK (sehingga kini sudah diterbitkan dua buah buku hasil DBK 1 dan 11, iaitu *Sastera dan Penulisan Borneo: Satu Kemungkinan* (2004) dan *Sumbangan Borneo-Kalimantan Terhadap Sastera Indonesia, Brunei Darussalam dan Malaysia – 2011*), dan mengadakan program lawatan di antara wilayah. Dalam konteks ini, GAPENA dapat berperanan sebagai penyelarasan melalui kegiatan Majlis Sasterawan Nusantara yang telah ditubuhkan dalam Pertemuan Sasterawan Nusantara di Bandar Seri Begawan pada tahun 1994, dan Ketua Satu GAPENA sebagai Sekretaris kepada Majlis tersebut. Kerjasama ASTERAWANI di Brunei Darussalam dan Dewan Kesenian di empat provinsi Kalimantan amat diharapkan bagi mencapai tujuan-tujuan tersebut.

Kesedaran untuk menyemaikan sikap kebersamaan sebagai pewaris persuratan Melayu Borneo-Kalimantan di kalangan generasi muda harus dipupuk secara lebih serius dan strategik. Pada alaf dan abad yang baharu ini, sempadan negara hanyalah batas geopolitik sahaja. Globalisasi yang menjadi agenda dunia

dewasa ini, yang berfokus kepada politik, ekonomi dan budaya, harus dihadapi dengan ilmu dan kebijaksanaan minda. Kita tiada pilihan untuk mencapai kemajuan yang setaraf dengan negara-negara maju, yang tolok ukurnya adalah negara Barat. Namun jati diri bangsa tidak harus dikorbankan. Bahasa Melayu sebagai bahasa pemersatu amat penting diperkasakan di Borneo-Kalimantan ini agar generasi muda lebih senang berkomunikasi dan membina sejarah baharu yang lebih berwibawa. Laman sosial media baharu melalui kecanggihan teknologi maklumat harus dimanfaatkan untuk mengakrabkan hubungan para sasterawan di Borneo-Kalimantan, terutama melalui *facebook*.

Persuratan Melayu Borneo-Kalimantan mempunyai warisan sejarah yang panjang. Masing-masing wilayah bergerak sendiri-sendiri mengikut haluan geopolitik yang telah ditentukan oleh takdir sejarah. Dalam konteks semangat bangsa-bangsa serumpun sebudaya, para pengarang wilayah-wilayah ini telah dipertemukan dalam Dialog Borneo-Kalimantan sejak tahun 1987, dan kini telah mencapai usia suku abad dengan 12 kali pertemuan. Kegiatan DBK adalah agenda GAPENA yang paling berjaya di samping acara Dialog Utara yang telah menempuh 13 kali kegiatan (1982 – 2013). Usaha-usaha perlu dipertingkatkan untuk memantapkan pelaksanaan siri kegiatan DBK, terutama oleh GAPENA dan badan-badan gabungannya di Borneo. Citra sastera Borneo-Kalimantan yang mengangkat kearifan tempatan sebagai penjana peradaban serantau harus terus diperjuangkan melalui kerjasama dengan badan-badan kerajaan dan pemerintah, terutama untuk mendapatkan dana bagi membiayai urus setia DBK untuk merancang dan melaksanakan DBK pada masa-masa mendatang. Semoga Allah SWT memberkati dan merahmati usaha murni kita ini. Insya-Allah.

Rujukan

- Abdullah Hussain dan Muslim Burmat (ed.), 1984. *Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah Hamdani (ed.), 1988. *Wajah Sastera Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah Hamdani, 2004. *Pertumbuhan dan Perkembangan Sastera Melayu di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah Hamdani dan Abang Haliman Abang Julai (ed.), 2003. *Pelagus: Antologi Sastera Sarawak – Jilid 1 & 2*. Kuching: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah Hamdani, Japar Haji Ungki, Melan Bujang dan Jennitah Noordin (ed.), 2004. *Biografi Penulis Sabah*. Kota Kinabalu: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein, 2012. *Almanak 40 Tahun GAPENA*. Kuala Lumpur: Gapeniaga Sdn. Bhd.
- Jabatan Penerangan Malaysia, 2001. *Malaysia: Buku Rasmi Tahunan 2001*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Jakarsi dan Tajuddin Noor Ganie, 2001. *Sketsa Sastrawan Kalimantan*. Banjarmasin: Balai Bahasa.
- Johannes Jacobus Ras (ed.), 1990. *Hikayat Bandjar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Junaidi Payne et.al, 2000. *This is Borneo*. London: New Holand Publishers (UK) Ltd.
- Kal Muller, 1992. *Indonesian Borneo Kalimantan*. Singapore: Periplus Editions (UK) Ltd.
- Mas Osman, 1987. *Biografi Penulis Brunei*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Mohd. Yusof Hasan, 1988. *Novel Negara Brunei Darussalam 1940-1992: Satu Analisis Kritis Intrinsik-Ekstrinsik*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Muhammad Abd Latif, 1980. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Brunei: Suatu Pengenalan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Rogayah A. Hamid (ed.), 1980. *Hikayat Upu Daeng Menambun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.